



Memo

LEMBAGA GETAH MA LAYSIA MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Warga LGM

Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia

Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027

Tarikh : 19 Disember 2019

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 25 TAHUN 2019

PELAKSANAAN TAPISAN KESELAMATAN BAGI PEGAWAI YANG DILANTIK DALAM PERKHIDMATAN DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga LGM Ke-128 yang diadakan pada 28 November 2019 telah bersetuju untuk menerima pakai **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011 – Pindaan Pelaksanaan Tapisan Keselamatan Bagi Pegawai Yang Dilantik Dalam Perkhidmatan Awam** berkuatkuasa pada **03 Disember 2019**.

3. Pelaksanaan tapisan keselamatan ini akan melibatkan semua anggota lantikan tetap LGM seperti berikut:

- a) anggota lantikan pertama atau lantikan ke skim perkhidmatan yang lain pada atau selepas tarikh kuatkuasa; dan
- b) anggota yang belum disahkan atau yang telah disahkan pada atau selepas tarikh kuatkuasa tetapi belum menjalani tapisan keselamatan.

4. Sehubungan dengan itu, semua anggota LGM yang belum disahkan atau yang telah disahkan pada atau selepas 03 Disember 2019 tetapi belum menjalani tapisan keselamatan diminta berbuat demikian dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh kenyataan ini dikeluarkan.

5. Tapisan keselamatan boleh dilakukan secara atas talian melalui Sistem Tapisan Keselamatan Elektronik e-vetting yang diselia oleh Pejabat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Manual pengguna sistem e-vetting permohonan tapisan keselamatan adalah seperti di Lampiran A sebagai rujukan.

6. Anggota yang gagal tapisan keselamatan boleh ditamatkan perkhidmatannya berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011 tersebut.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)